

09 OCT 2003

OIC-Syed Hamid

MALAYSIA CADANGKAN CALON BAGI JAWATAN SETIAUSAHA AGUNG OIC

PUTRAJAYA, 9 Okt (Bernama) -- Malaysia akan mencadangkan seorang calon bagi jawatan Setiausaha Agung OIC apabila penyandanginya, Abdelouahed Belkeziz, melepaskan jawatan itu tahun depan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu Bernama di sini hari ini kebanyakan anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) telah meminta Malaysia untuk menamakan calon.

Beliau enggan menyatakan siapakah yang akan menjadi calon Malaysia itu, sambil menyatakan bahawa tokoh berkenaan merupakan seorang yang "mempunyai pengalaman dan berkelayakan."

"Malaysia akan mencadangkan calon bagi jawatan OIC setelah penggal perkhidmatan Setiausaha Agung sekarang tamat tahun depan," kata Syed Hamid.

Semasa ditanya sama ada Malaysia akan mencadangkan "seorang bekas Perdana Menteri" bagi mengetuai pertubuhan Islam berkenaan, Syed Hamid secara tegas menolak kemungkinan itu.

Terdapat khabar angin baru-baru ini bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan ditawarkan jawatan itu berikutan penghormatan yang diterimanya daripada dunia Islam.

Mesyuarat Menteri-Menteri Luar OIC akan membincangkan isu berkaitan jawatan Setiausaha Agung, yang akan ditentukan berasaskan persetujuan sebulat suara kalangan negara-negara anggota.

Bangladesh telah menawarkan jawatan itu kepada Salauddin Quader Chowdhury iaitu Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri Khaleda Zia.

Chowdhury berusaha mendapatkan sokongan daripada negara-negara Arab, tetapi terdapat suara-suara di sekitar Bangladesh yang menentang pencalonan itu berikutan sejarah kerjaya politiknya.

Bagaimanapun, penyokong-penyokong Chowdhury menegaskan kepada kepintarannya berkaitan isu-isu kontemporari antarabangsa dan kedudukan tinggi dalam kerajaan yang disandangnya.

-- BERNAMA

SKH JM JK ROS